

10/07/2002

`Calon BN berwibawa, disenangi rakyat'

Kadir Dikoh

PENDANG, Selasa - Pemilihan Datuk Othman Abdul sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi Parlimen Pendang adalah berdasarkan pengalamannya walaupun tewas pada pilihan raya umum 1999.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Othman dan calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, Datuk Zakaria Said, juga mempunyai rekod baik dan kedua-duanya anak tempatan.

"Kedua-duanya disenangi orang di sini. Malah Othman tewas pada pilihan raya lalu kerana masalah tertentu, iaitu masalah yang berlaku di seluruh negara ketika itu.

"Dua calon itu memang berjasa kepada penduduk tempatan di kawasan masing-masing," katanya pada persidangan akhbar selepas melancarkan jentera tenaga kerja BN di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang di sini, hari ini.

Beliau berkata, prestasi Umno kini sudah bertambah baik dengan sokongan rakyat yang semakin meningkat, selain peningkatan ekonomi negara.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah berkata, pihaknya sedar ada dakwaan mengatakan BN akan kalah kerana memilih Othman yang pernah tewas sebelum ini.

"Macam-macam cakap kita dengar. Jadi kali ini kita buktikan semua andaian itu salah dan kita bekerja kuat untuk menjamin kedua-dua calon ini menang.

"BN memilih dua calon ini kerana pengalaman mereka dan sudah lama berkhidmat dalam parti. Malah, Othman sendiri terus berjuang dalam Umno walaupun tewas sebelum ini," katanya.

Sebaliknya, Abdullah berkata, ada sebahagian pengundi mengadu bahawa jika Othman dipilih sekali lagi, mereka akan tetap menyokongnya dan menyesal memilih Pas sebelum ini.

Beliau turut menafikan wujud pergolakan dalam Umno Bahagian Pendang yang diketuai Othman dan menegaskan timbalan ketua bahagian, Md Rozai Safian berjanji memberi sokongan.

Turut berucap ialah wakil parti komponen BN, termasuk Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Hadir sama dua Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Terdahulu, Othman berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Abdullah dan Syed Razak kerana kepercayaan yang diberikan kepadanya sebagai calon.

Beliau berjanji bekerja kuat bagi memberi khidmat kepada rakyat jika dipilih.

"Pada 1990, Presiden Pas (Allahyarham Fadzil Noor) pernah kita tewaskan di sini dengan majoriti lebih 3,700 undi. Kita yakin sesiapa saja calon Pas kali ini, kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menang," katanya.